

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(II)9

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN JAWI
YB. H'NG MOOI LYE**

9. Isu penempatan semula di Ladang Byram.
- (a) Status terkini bagi projek penempatan semula di Ladang Byram.
 - (b) Bila projek ini akan bermula dan jangkaan masa penyerahan rumah.
 - (c) Adakah SJKT Byram akan dibina secara serentak dengan perumahan tersebut?

**YB. PROF. DR. P. RAMASAMY A/L PALANISAMY
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

9. (a) Unit Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) telah mengemukakan permohonan pemberi milikan tanah Lot 7578, Mukim 11, Seberang Perai Selatan kepada Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan pada 25 Mei 2018 untuk penempatan semula penduduk Ladang Byram. Tanah yang dimohon adalah seluas 8.75 ekar bagi penempatan semula rumah, sekolah dan kuil dari Ladang Byram.
- (b) Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) telah dilantik selaku pengurus projek ini yang dijangka memulakan pembinaan pada suku kedua 2019 sekiranya urusan pelantikan perunding dapat diselesaikan dalam masa terdekat termasuk kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan. Jangka masa pembinaan adalah selama 18 bulan dari tarikh milikan tapak.

- (c) Pembinaan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Byram dan perumahan tersebut akan dilaksanakan serentak.